

Rombakan RMK13 perlu tumpu pembangunan berpaksikan rakyat

Oleh Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin
bhrencana@bh.com.my



Felo Bersekutu Kanan, Institut Dasar Ekonomi Dan Kewangan (ECOFI), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Dengan perlunya rombakan dan semakan semula Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), inti pati keseluruhan dokumen perancangan lima tahun (2026-2030) negara ini perlu menumpukan aspek pembangunan berpaksikan rakyat. Ini sejajar dengan agenda utama kerangka ekonomi MADANI bertunjangkan usaha untuk memperkasakan rakyat.

Satu aspek penting difokuskan ialah keterjaminan makanan. Ini penting dalam keadaan ketidakpastian ekonomi global dan krisis geopolitik Syarikat (AS) mengenakan 25 peratus tarif terhadap import Malaysia bermula 1 Ogos ini. Ia memerlukan kita memperkukuh sektor paling asas kepada rakyat yang masuk lagi belum dapat diselesaikan secara tuntas hingga hari ini.

Lihat sahaja kadar sara diri (SSR) beras, jatuh pada sekitar 56 peratus. Maknanya, beras tak cukup dan kita perlu import lagi 44 peratus untuk kegunaan tempatan.

Perancangan dalam RMK13 patut menyasarkan SSR melebihi 100 peratus supaya negara dan juga petani tempatan mempunyai sumber pendapatan baharu pada masa hadapan melalui eksport.

Pengurangan import beras juga dapat mengukuhkan kedudukan fiskal negara pada masa hadapan. Jadi, dalam RMK13, penumpuan kepada wilayah baharu seperti Sabah perlu dibangunkan untuk meningkatkan SSR beras negara menjelang 2030.

Aspek kedua berkaitan pembangunan berpaksikan rakyat adalah pendidikan. Isu ini signifikan kerana berkait dengan perkara lain seperti pekerjaan, produktiviti, teknologi, pendapatan dan juga kos sara hidup.

Baru-baru ini, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, semasa menghadiri Forum Pendidikan Tinggi ASEAN: Pembangunan Bakat dan Teknologi Baharu di Langkawi, mencadangkan penubuhan sekretariat khusus bagi menyelaras kerjasama dalam bidang pendidikan tinggi peringkat rantau ASEAN.

Ini adalah idea baik kerana platform khas ini penting bagi membolehkan anggota ASEAN untuk saling bertukar bakat dan kepakaran bagi menyelesaikan isu bersama dalam pembangunan modal insan seperti keperluan kemahiran dan bakat ekonomi digital, semikonduktor, keusahawanan, pe-

rubahan iklim serta sektor berorientasikan masa hadapan.

Selain itu, cadangan mewujudkan Institut ASEAN serta pelancaran GlobalASEAN.org adalah penting dalam memperkasakan pendidikan melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta penciptaan bakat dan kemahiran baharu. Justeru, perlu ada program khusus dan peruntukan untuk program ini, terutama R&D dalam RMK13.

Dianggarkan 620,000 pekerjaan akan terjejas akibat daripada automasi. Oleh itu, dalam RMK13, program dan inisiatif untuk persediaan kepada tenaga kerja masa hadapan serta inisiatif atau program khusus bagi pergerakan bakat ataupun mobiliti buruh di antara negara ASEAN perlu disediakan.

Isu pengurangan terkurang atau guna tenaga terkinik menunjukkan ada jurang agak ketara antara bilangan siswazah dikeluarkan setiap tahun berbanding dengan penawaran pekerjaan berpendapatan tinggi.

Kadar pengangguran agak tinggi

Ini mengakibatkan ramai siswazah, iaitu sebanyak 16 peratus bekerja dalam bidang pekerjaan yang tidak pun memerlukan kelayakan ijazah mereka. Statistik terkini, iaitu pada Mac juga menunjukkan kadar pengangguran golongan muda agak tinggi, iaitu pada kadar 10.3 peratus.

Mengikut data didedahkan Bank Negara Malaysia (BNM), walaupun kadar produktiviti buruh menunjukkan peningkatan, kadar peningkatan upah masih bergerak lebih perlahan.

Satu lagi aspek penting berkaitan dengan pembangunan berpaksikan rakyat adalah penyediaan negara kita kepada masyarakat menua. Kelajuan kita mencapai masyarakat menua sangat membimbangkan

BNM juga mendedahkan adanya jurang lebar antara peningkatan dalam kos sara hidup dengan peningkatan dalam kadar upah, mengakibatkan kuasa beli rakyat terhakis.

Justeru, RMK13 perlu berani melancarkan idea reformis memastikan kesejahteraan dan kebahagiaan hidup rakyat akan dapat ditingkatkan menjelang 2030.

Idea reformis ini adalah seperti memperkenalkan program jaminan kerja komprehensif, skim pendapatan asas, skim insurans asas dan program pencen sejagat.

Memandangkan kadar Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) sekarang (2023) pun pada RM4,729, pada 2030, sasaran apa yang dipanggil sebagai gaji bermaruah perlulah pada sekitar RM8,000 hingga RM10,000.

Satu lagi aspek berkaitan pembangunan berpaksikan rakyat adalah penyediaan negara kita kepada masyarakat menua. Kelajuan kita mencapai masyarakat menua sangat membimbangkan.

Dalam hal ini, RMK13 perlu lebih proaktif dari segi strategi dan dasarnya. Dua faktor penting menyebabkan kelajuan ini adalah jangkaan hidup kita semakin baik dan kadar kelahiran kian menurun.

Justeru, saya berpendapat kerajaan perlu mempertimbangkan untuk meningkatkan had persaraan kepada 65 tahun. Kajian Bank Dunia juga menunjukkan tidak ada bukti kukuh mengatakan peningkatan dalam had persaraan ini akan mengaktifkan kesukaran golongan muda untuk mendapatkan pekerjaan baharu dalam pasaran buruh.

Oleh itu, dalam RMK13, cadangan strategi baharu dalam aspek reformasi perlindungan sosial adalah memfokus kepada kedua-dua aspek liputan (coverage) dan kecukupan (adequacy). Ini memerlukan perubahan dalam pendekatan menjurus kepada kitaran hidup, dari dalam kandungan ibu lagi hingga hari tua.

RMK13 adalah rancangan jangka sederhana Malaysia terakhir untuk merealisasikan sasaran cuba dicapai dalam kerangka Ekonomi MADANI. Oleh itu, dokumen ini perlu mendapat sokongan kuat daripada semua agensi kerajaan dan rakyat secara keseluruhannya.

Dengan erti kata lain, pendekatan keseluruhan kerajaan dan keseluruhan rakyat serta pelaksanaan dan sistem pemantauan cekap dengan komunikasi efektif adalah kunci kepada kejayaan RMK13, akhirnya kejayaan kerangka Ekonomi MADANI itu sendiri.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

